

PENDAFTARAN HAJI TAHUN 1443 HIJRAH/ 2022 MASIHI

Rabu, 26 Rabiulakhir 1443H bersamaan 01 Disember 2021M -

1. Kementerian Hal Ehwal Ugama menerusi Jabatan Urusan Haji ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Pendaftaran Haji Tahun 1443 Hijrah/ 2022 Masihi akan **mula dibuka pada hari Isnin, 01 Jamadilawal 1443H bersamaan 06 Disember 2021M dan tarikh tutup pendaftaran ialah pada hari Sabtu, 04 Rejab 1443H bersamaan 05 Februari 2022M** di pusat-pusat pendaftaran sebagaimana berikut:

PERKARA	KETERANGAN
Pusat Pendaftaran:	i. Ruang Legar, Lantai Bawah Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam. ii. Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait. iii. Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong. iv. Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.
Waktu Operasi Pendaftaran Haji:	Isnin-Khamis dan Sabtu (Pada hari bekerja sahaja) Jam: 8.45 pagi hingga 12.00 tengahari

2. Selaras dengan Kenyataan Media Jabatan Perdana Menteri pada hari Selasa, 04 Rabiulakhir 1443H bersamaan 09 November 2021M mengenai fasa peralihan di bawah Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 Kebangsaan, Jabatan Urusan Haji akan melaksanakan Pendaftaran Haji Tahun 1443 Hijrah/ 2022 Masihi sepertimana berikut:

- Orang ramai hendaklah membuat tempahan awal untuk pembelian borang pendaftaran haji melalui talian *whatsapp* pusat pendaftaran yang disediakan. Borang pendaftaran haji berharga \$2.00 sekeping.

- **Tempahan** bagi pembelian borang pendaftaran haji bolehlah dibuat bermula pada **27 Rabiulkahir 1443H/ 02 Disember 2021M** dan akan ditutup pada **27 Jamadilakhir 1443H/ 30 Januari 2022M**.
- Talian *whatsapp* pusat-pusat pendaftaran adalah sepertimana berikut:

PUSAT PENDAFTARAN	TALIAN WHATSAPP
Ruang Legar, Lantai Bawah Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam	7189261
Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.	7189275
Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong.	7189320
Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.	7189327

- Setelah tempahan dibuat pemohon akan dimaklumkan melalui talian *whatsapp* tarikh dan masa yang ditetapkan bagi mengambil borang pendaftaran haji yang telah ditempah di pusat pendaftaran yang telah dipilih.
- Pemohon/ ketua keluarga/ wakil hendaklah hadir ke pusat pendaftaran haji yang dipilih untuk mengambil borang pendaftaran haji yang ditempah mengikut janji temu yang ditetapkan dengan menyediakan jumlah wang yang tepat bagi tujuan pembayaran mengikut jumlah borang yang ditempah.
- Borang pendaftaran haji dan slip penghantaran borang hendaklah diisi dengan lengkap berserta dokumen-dokumen yang diperlukan dan dimasukkan semula ke dalam sampul surat dan dihantar ke pusat pendaftaran yang dipilih sebelum pendaftaran haji ditutup.

3. Seterusnya, orang ramai yang hadir ke pusat-pusat pendaftaran haji hendaklah mematuhi garis panduan berikut:
 - 3.1. Hanya **seorang sahaja** (pemohon / ketua keluarga / wakil) dibenarkan hadir untuk membuat urusan semasa mengambil dan menghantar borang pendaftaran haji.
 - 3.2. Pemohon / ketua keluarga / wakil yang akan hadir membuat urusan tersebut hendaklah:
 - Telah lengkap dua (2) dos vaksin.
 - Mempunyai applikasi *Bruhealth* dengan kod berwarna hijau atau kuning.
 - Membawa pengenalan diri (kad pintar / lesen memandu).
 - Tidak mempunyai gejala flu.
 - Membawa pen sendiri dari rumah.
 - 3.3. Semasa membuat urusan ke pusat-pusat pendaftaran haji, pemohon / ketua keluarga / wakil hendaklah:
 - Sentiasa memakai sungkup muka.
 - Mengimbas kod QR.
 - Menunjukkan pengenalan diri serta pengesahan penerimaan vaksin secara penuh.
 - Membuat pemeriksaan suhu badan.
 - Mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1.5 meter antara individu yang lain semasa berada di dalam bangunan.

-TAMAT-

Disediakan Oleh:

Jabatan Urusan Haji

Kementerian Hal Ehwat Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Rujukan: KHEU/BPA/SM55/Disember2021

Tarikh: 26hb Rabi'ulakhir 1443H bersamaan 01hb Disember 2021M

***Nota: Untuk Disiarkan Secara Berulang-Ulang bermula 01 Disember 2021
sehingga 05 Februari 2022.**